

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS GOTONG ROYONG SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-70
KEPANDUAN
Lokasi : KAMPUNG PALIMBAYAN, SUNGAI PENCALA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 22-02-1987

Yang Berusaha Puan Hajjah Halimah bte Taib, Pengerusi Perayaan 70 Tahun Kepanduan; Yang Berusaha Puan Nik Faizah bte Nik Mustapha, Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia; Yang Berbahagia, Dato' Elyas Omar, Datuk Bandar Kuala Lumpur; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya ingin mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah sudi hadir untuk menyertai Projek Gotong Royong Persatuan Pandu Puteri pada pagi ini.

2. Tarikh 22hb. Februari merupakan hari yang istimewa bagi pergerakan Pandu Puteri yang mana tarikh ini telah dijadikan sebagai Hari Peringatan. Pada hari ini semua ahli Persatuan Pandu Puteri akan melafazkan ikrar kepanduan mereka masing-masing. Di samping itu juga semua ahli di negara ini dan di seluruh dunia akan menghulurkan derma kepada Tabung Hari Peringatan yang akan digunakan bagi membiayai pelbagai kegiatan dan untuk memajukan lagi kegiatan kepanduan.

Sumbangan derma daripada semua ahli-ahli persatuan adalah satu cara untuk mengukuhkan lagi tali persaudaraan yang dijalinakan oleh semua ahli Pandu Puteri. Ini adalah tradisi kepanduan antarabangsa.

3. Pada tahun ini juga, Persatuan Pandu Puteri Malaysia meraikan Perayaan Ulangtahun Kepanduan yang ke-70. Sempena Perayaan ini, Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah menyusun beberapa program bagi memeriahkan lagi sambutannya. Antara program yang akan dijalankan ialah projek gotong royong di samping beberapa program lain yang sedang dirancang.

4. Adalah menjadi harapan saya supaya melalui projek-projek ini nanti orang ramai akan mengetahui secara lebih dekat lagi aktiviti-aktiviti Persatuan ini di samping dapat mengeratkan lagi tali silaturahim dan semangat kerjasama di antara penduduk-penduduk tempatan dengan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Sepanjang 70 tahun yang lalu, kepanduan di negara kita ini telah berkembang dengan pesatnya. Khidmat bakti ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia adalah melalui pelbagai khidmat masyarakat. Sumbangan bakti ini telah membantu membentuk dan membina semangat ingin menolong serta membina moral peribadi yang mulia di kalangan ahli supaya dapat berdikari dan bertimbang rasa.

6. Program kepanduan adalah bertujuan memberi didikan dan latihan kepada ahli-ahli yang sensitif kepada alam sekeliling dan kepada sesama manusia agar mereka menjadi ahli masyarakat yang berguna, sedia memberi khidmat dan pertolongan setiap masa. Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri juga berpeluang bergaul dengan masyarakat yang lebih luas di dalam acara-acara kepanduan peringkat antarabangsa di dalam dan di luar negeri. Mereka adalah duta kita di dalam acara-acara peringkat antarabangsa.

7. Oleh kerana Persatuan Pandu Puteri Malaysia mempunyai ahli-ahli yang berkaliber yang dihantar sebagai wakil, maka Malaysia dipandang tinggi oleh negara-negara lain dan dianggap sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk yang bersopan santun dan berhemah tinggi, bertoleransi tidak mengira agama, warna kulit dan darjat. Ini adalah suatu sumbangan Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang patut disanjung dan patut diteruskan.

8. Saya berharap supaya kegiatan kepanduan yang lebih tertumpu di bandar-bandar besar dapat ditingkatkan lagi supaya melibatkan pemudi-pemudi di kawasan luar bandar agar mereka dapat menikmati program kepanduan demi kemajuan wanita khususnya dan pembangunan luar bandar amnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Projek gotong royong di Kampung Palimbayan hari ini merupakan aktiviti kebajikan yang mula-mula sekali diadakan sempena perayaan ulangtahun ini. Projek gotong royong ini adalah kena pada masanya dan selaras dengan ikrar kepanduan yang dilafazkan oleh setiap orang ahli Persatuan ini untuk menyemai khidmat bakti melalui pelbagai khidmat kebajikan kepada masyarakat. Melalui projek ini, Persatuan ini bukan sahaja akan dapat mengeratkan lagi silaturahim dan kerjasama dengan penduduk-penduduk di sekitar kawasan ini tetapi juga akan dapat sama-sama memelihara kebersihan dan kecantikan kawasan sekitar.

10. Saya merasa bangga dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada mereka yang telah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dengan Persatuan Pandu Puteri Malaysia demi kemajuan kepanduan di negara kita ini.

Adalah menjadi harapan saya supaya mereka akan meneruskan lagi usaha yang murni ini agar anak-anak gadis terus dipimpin dan memainkan peranan yang berkesan.

11. Kepada pihak-pihak yang telah memberi sokongan dan bantuan dalam apa bentuk jua pun kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia untuk menjayakan projek gotong royong yang diadakan pada hari ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

12. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Lagi Maha Mengasihani, saya merasmikan Projek Gotong Royong ini bagi menandakan bermulanya sambutan ulang tahun ke-70 Kepanduan di Malaysia.

Terima kasih.